

Latihan Pengukuhan PT3

Bahasa Melayu

Kertas 1

Bahagian A Sistem Bahasa

Soalan 1 - 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Wayang kulit merupakan sejenis kesenian yang berasal _____ negeri Kelantan.
A dari
B pada
C dengan
D daripada
- Pada suatu ketika dahulu, permainan tradisional mendapat sambutan _____ dalam kalangan masyarakat Melayu.
A hebat
B hangat
C panas
D meriah

Soalan 3 - 5

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- Kita perlu menghargai budaya tradisi kita _____ oleh kerana budaya melambangkan bangsa. _____
A
B
C
D
Tiada kesalahan.
- Antara alat-alat muzik tradisional Cina yang dipamerkan di dalam dewan ialah seruling, ziter, pipa, dan sebagainya. _____
A
B
C
D
Tiada kesalahan.
- Ibu menunjukkan kakak cara menganyam ketupat agar tradisi ini _____ tidak dilupakan. _____
A
B
C
D
Tiada kesalahan.

Soalan 6

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- Amalan rumah terbuka berupaya menjalinkan hubungan yang mesra dalam sesebuah masyarakat.
A Perhubungan yang mesra dalam kalangan anggota masyarakat amat penting bagi memastikan wujudnya rumah terbuka.
B Hubungan yang mesra akan terus subur dalam kalangan masyarakat sekiranya mereka mengamalkan rumah terbuka.
C Hubungan yang mesra sesama anggota masyarakat dapat mengekalkan rumah terbuka.
D Keupayaan mengadakan rumah terbuka dapat memesrakan sesebuah masyarakat.

Soalan 7

Pilih ayat-ayat yang betul.

- I Majlis makan malam itu diakhiri dengan persembahan tarian zapin.
II Tikar mengkuang yang dianyam oleh nenek sangat kemas.
III Rumah tradisional Melayu itu sangat unik.
IV Ukiran kayu adalah seni kraf tangan yang telah lama wujud dalam kalangan masyarakat Melayu.
A I dan II sahaja C I, II dan II sahaja
B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

Soalan 8

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- Baju kurung dan baju melayu menjadi pakaian pilihan semasa menyambut Hari Raya Aidilfitri sejak berzaman lamanya. Keadaan ini dikatakan
A ke tengah boleh, ke tepi pun boleh.
B tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.
C di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.
D harimau mati meninggalkan kulit, manusia mati meninggalkan nama.

Bahagian A Pemahaman Teks

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Dalam Persekitaran Kata-kata

"Dia mencipta manusia.
Mengajarnya pandai berbicara."
(Al-Quran, 55: 3 - 4)

Engkau beri kami kata-kata
dan akal untuk mengucapkannya.
Kami pindahkan makna,
dari tempat ke tempat,
dari zaman ke zaman.

Engkau jadikan kami bangsa
berkulit sawo matang.
Belayar di samudera jauh
menjelajah pulau-pulau, dan berlabuh
di pantai-pantai semenanjung.

Kata-kata yang berselerakan
langit, bumi, laut, gunung,
awan, hujan dan pohon,
adalah persekitaran.
Seperti kami memetik buah-buahan
kami sunting istilah iman,
daripada kitab-kitab silam,
mentakrif tanda alam,
dan menjernihkan tafsiran.

Kata-kata mengembangkan pengalaman,
terbentang di semesta alam,
memaknakan kewujudan.

BAHA ZAIN

Dipetik daripada
sajak 'Dalam Persekitaran Kata-kata',
antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2
Kementerian Pendidikan Malaysia

- 1 Manusia dikurniakan akal fikiran dan kebolehan bercakap agar dapat
A memahami makna kehidupan.
B menyampaikan ilmu dari zaman ke zaman.
C menghadapi hidup yang penuh pancaroba dengan tabah.
D menyelesaikan masalah dengan cekap.
- 2 Yang berikut merupakan pengajaran yang terdapat dalam sajak, **kecuali**
A Kita hendaklah bersyukur kepada Tuhan kerana dikurniakan kebolehan berkomunikasi.
B Kita haruslah menjadi khalifah di bumi dan patuh kepada ajaran agama.
C Kita haruslah menyanjungi dan memartabatkan bahasa Melayu.
D Kita hendaklah berusaha untuk mencapai kecemerlangan.
- 3 Sajak ini bernada
A sinis. C patriotik.
B protes. D romantis.

- 4 dari tempat ke tempat,
dari zaman ke zaman.

Apakah unsur gaya bahasa yang digunakan dalam baris sajak di atas?

- A Inversi
- B Metafora
- C Repetisi
- D Perlambangan

- 5 Persoalan yang diungkapkan oleh penyajak pada rangkap terakhir ialah
A persoalan ilmu pengetahuan yang diperoleh melalui kitab-kitab lama.
B persoalan kepentingan ilmu agama dalam kehidupan.
C persoalan kepentingan bahasa dalam kehidupan.
D persoalan mensyukuri nikmat kurniaan Tuhan.

Bahagian B Sistem Bahasa

- 1 Dalam petikan di bawah ini, terdapat lima kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia mengambil inisiatif menganjurkan Skim Adiguru Kraf yang bertujuan memelihara dan memulihara seni kemahiran ini dari pupus dan tenggelam dimamah zaman. Adiguru Kraf yang diperkenalkan di tahun 1987 telah melantik tukang kraf mahir dalam berbagai bidang kraf warisan. Kesenambungan seni warisan ini diteruskan dengan melaksanakan Anugerah Tokoh Kraf Negara pada tahun 1998 yang bertujuan memberikan pengiktirafan dan penghargaan pada tukang kraf mahir yang telah banyak menyumbang jasa di dalam memekarkan seni kraf warisan.

- (i) _____
(ii) _____
(iii) _____
(iv) _____
(v) _____

- 2 Dalam brosur di bawah, terdapat tiga kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin brosur itu semula.

Masuk percuma

Hari Kraf Kebangsaan

Jualan kraf terbesar

Tarikh : 22 Mac – 1 April 2020
Masa : 10:00 pagi hingga 10:00 malam
Kompleks Kraf Kuala Lumpur

Demonstrasi kraf

- Persembahan music dan tarian
- Pertandingan tarian rakyat

Pameran

- prodak kraf baharu
- kraf kayu dalam seni bina

Pengunjung berpeluang mendapat produk kraf tekstil, hasil rimba, hasil tanah, hasil logam dan anika kraf

- (i) _____
(ii) _____
(iii) _____

Bahagian D Sistem Bahasa

1 Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti. Kenal pasti subjek dan predikat dalam ayat-ayat tersebut. Kemudian tulis subjek dan predikat pada ruang yang disediakan.

- (i) Tabiat berbelanja menggunakan kad kredit melebihi kemampuan merupakan punca anak muda muflis.

Subjek	
Predikat	

- (ii) Kesedaran menabung dalam kalangan rakyat Malaysia masih rendah.

Subjek	
Predikat	

- (iii) Kita harus berbelanja dengan berhemat supaya dapat membuat simpanan untuk masa depan.

Subjek	
Predikat	